

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN
ISMAIL [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini tindakan yang diambil oleh SPRM terhadap pengarah-pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA) berikutan dakwaan penyelewengan pembelian hartanah di Australia dan maklumat terperinci jumlah dana MARA yang telah diselewengkan dari pembelian tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Permatang Pauh, kes ini masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pada masa ini,

pihak SPRM masih dalam proses mendapatkan bantuan Mutual Legal Assistance (MLA) daripada pihak berkuasa Australia.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [PADANG SERAI]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9410

SOALAN:

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada penjara-penjara Negara menurut had seramai 3 banduan bagi setiap sel seperti dinyatakan dalam peraturan mesyuarat 4(2) Peraturan-peraturan Penjara 2000.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penempatan tiga orang banduan dalam satu-satu sel dan dormitori bukanlah sesuatu yang mandatori. Ini jelas diperuntukkan di bawah Peraturan 4(2) Peraturan-peraturan Penjara 2000 yang menyebut bahawa Komisioner Jeneral Penjara boleh membenarkan penempatan tidak lebih dari tiga orang banduan di dalam sel bagi sebab-sebab khas. Dalam hal ini perlulah diambil maklum bahawa penjara mempunyai saiz sel dan dormitori yang berbeza-beza dan boleh menempatkan lebih daripada 3 orang banduan dan perkara ini juga telah mengambilkira keperluan keselamatan, pemulihan, kebersihan dan kesihatan banduan-banduan tersebut.